

Pelaburan Risen Energy wujud 3,000 pekerjaan

UUM - 25/6/2021 m/s: 3

PUTRAJAYA: Pelaburan RM42.2 bilion oleh Risen Energy Co. Ltd, pengeluar kelima terbesar dunia bagi penghasilan modul solar, dijangka menjana 3,000 peluang pekerjaan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelaburan itu diluluskan Lesen Pengilang dan Galakan Insentif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bagi aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengilangan sel solar dan modul solar.

“Saya yakin kehadiran Risen Solar ini akan menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran berintegrasi bagi produk solar.

“Ketika ini, terdapat beberapa syarikat pengeluar global solar seperti Jinko Solar, Longi Solar, JA Solar, Hanwha Q Cell, First Solar dan Sun Power sedang beroperasi di Malaysia,” katanya semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan mesyuarat secara maya dengan Pengerusi dan Presiden Syarikat Risen Energy Co. Ltd, Xie Jian yang turut disertai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Ketua Pegawai Ek-



MUHYIDDIN Yassin bermesyuarat secara maya bersama Xie Jian, Mohamed Azmin Ali dan Arham Abdul Rahman berhubung pelaburan Risen Energy Co. Ltd, di Putrajaya, semalam.

sekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Arham Abdul Rahman.

Muhyiddin berkata, syarikat itu juga akan menjalinkan kerjasama dengan institusi tempatan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk pengambilan

pelajar secara internship.

Beliau turut memberi jaminan, kerajaan akan memastikan kelancaran pelaksanaan projek berkenaan.

“Trend kemasukan berterusan pelaburan asing berimpak tinggi ini tentunya menyuntik lebih keyakinan dalam kalangan

komuniti pelabur luar terhadap prospek pemulihan ekonomi Malaysia selari dengan aspirasi Pelan Pemulihan Negara.

“Ini pastinya akan membawa manfaat besar kepada masyarakat dari segi peluang pekerjaan dan penjaan pendapatan,” katanya.